




## AIRASIA AKAN BERPINDAH KE TERMINAL

# 4



SEMUA YANG PERLU ANDA TAHU  
TENTANG TERMINAL TERBAHARU  
LAPANGAN TERBANG CHANGI

**PENERBANGAN AIRASIA AKAN BEROPERASI DI T4  
DARI JAM 5.30 PAGI PADA 7 NOVEMBER 2017**



AirAsia akan memulakan operasi di Terminal 4 (T4) baharu  
Lapangan Terbang Changi Singapura.

### **PILIHAN DAFTAR MASUK**


Pilihan daftar masuk layan diri dan konvensional  
tersedia di T4, Baris 4 dan 5, antara jam 5.30 pagi hingga  
jam 10.00 petang setiap hari.



**CHANGI**  
airport singapore

*the feeling is first class*

# Laluan keluar masuk T4



## Bas Awam

Perkhidmatan bas 24, 27, 34, 36, 53, 110 dan 858



## MRT


- Turun di Stesen MRT 'Changi Airport'.
- Tuju ke pintu masuk nombor 1 di dewan ketibaan T2 untuk menaiki bas ulang-alik percuma 24 jam ke T4.
- Perjalanan mengambil masa kira-kira 10 minit.
- Anggaran masa menunggu untuk bas shuttle ialah 10 minit dari jam 5.30 pagi hingga jam 12.00 pagi, dan 20 minit dari jam 12.00 pagi hingga jam 5.30 pagi.



## Kereta dan Teksi

- PIE - Ambil jalan susur di Exit 1 ke T4.
- ECP - Ambil jalan keluar di Boulevard Airport ke T4.

## Peta lokasi terminal



## Daftar masuk **FAST**

T4 ialah terminal pertama di Lapangan Terbang Changi yang menawarkan pilihan layan diri Perjalanan Pantas dan Lancar (FAST) di semua titik sentuhan perlepasan utama - daftar masuk, memasukkan bagasi, imigresen dan perlepasan. Nikmati keselesaan mendaftar masuk sendiri. Lawati <http://t4.changiairport.com/FAST-guide> untuk maklumat lanjut.

## Kemudahan Utama

### Membeli-belah dan menjamu selera

- Terdapat lebih 80 kedai di T4, dengan lebih 20 jenama baharu yang dibuka di Lapangan Terbang Changi.
- Zon bebas cukai tunggal bersepadu yang terletak betul-betul selepas imigresen menawarkan pelbagai kategori bebas cukai.
- Singgahlah menjamu selera di gerai makanan baharu di Changi.

### Pengalaman T4

Nikmati pengalaman visual yang luar biasa lagi mengasyikkan di T4 yang dilengkapi ciri-ciri hiburan dan koleksi seni yang terpilih.

- Petalclouds, sebuah arca kinetik sepanjang 200m di Galeri Tengah, pasti membuat anda terpesona dengan lenggokan anggunnya mengikuti aliran muzik klasik.
- Terletak di kawasan Keselamatan Berpusat, Tembok *Immersive* ialah satu paparan LED yang dinamik berukuran 70m, menghiburkan penumpang yang sedang menunggu menghiburkan penumpang yang menunggu giliran..

## Saringan Keselamatan

Teknologi saringan Lanjutan 3D membolehkan anda menyimpan komputer riba dan tablet di dalam beg untuk pemeriksaan keselamatan yang lancar dan mudah. Peraturan bagasi berhubung membawa cecair, aerosol dan gel tetap berkuatkuasa.




- Jamu selera menikmati hidangan tradisional atau beli-belah hasil tempatan dan cenderhati di Zon Warisan.
- Layari direktori beli-belah & jamu selera kami di <http://t4.changiairport.com/shop-and-dine-guide>


- Saksikan evolusi seni bina rumah kedai Singapura dari tahun 1880-an hingga 1950-an di Zon Warisan.
- Di Zon Warisan, tonton pertunjukan teater mini budaya enam minit berjudul Kisah Cinta Peranakan, mengenai kisah romantik antara dua keluarga berjiran di Singapura pada tahun 1930-an.
- Untuk maklumat lanjut tentang pengalaman di T4, sila lawati <http://t4.changiairport.com/experience-guide>

# Pergerakan di dalam T4

## AWAM

 AKSES KE GERAI MAKANAN & MINUMAN DI ARAS 2M

- TARIKAN**
- PETALCLOUDS
  - ZON WARISAN
  - TEMBOK IMMERSIVE
  - TAMAN BERTEMA 'STEEL IN BLOOM'

 BAS SHUTTLE PERCUMA KE T2 DAN MRT

**GERAI MAKAN**

 MAKLUMAT

**MEMBELI-BELAH**

 BAYARAN BALIK CUKAI

